

**PERMOHONAN UNTUK PERMIT IKLAN DAN JUALAN DI BAWAH PERATURAN 5,
PERATURAN-PERATURAN PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN DAN
PELESENAN) (PINDAAN) 2002**

<i>Bil.</i>	<i>Dokumen yang diperlukan</i>	<i>Keterangan</i>
1.0	BORANG PERMOHONAN	
	Borang Jadual D (Borang Permohonan Permit Iklan dan Jualan),	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Surat iringan (covering letter) mesti disertakan.</i> • <i>Borang permohonan hendaklah dipastikan ditandatangani dengan sempurna; dan dicatatkan nama, no. k/p, bertarikh, dan jawatan penandatanganan, serta dicop/meteri am syarikat.</i> • <i>Nombor lot pemajuan pada borang hendaklah sama dengan lot pada lesen pemaju. Jenis rumah, bilangan unit, serta harga terendah dan tertinggi (berdasarkan senarai harga jualan) bagi setiap jenis rumah hendaklah dicatatkan dengan jelas dalam borang</i>
2.0	DOKUMEN SOKONGAN	
2.1	Surat Kelulusan Pelan Bangunan	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Surat kelulusan hendaklah sah tempoh kuatkuasanya dan mencatatkan dengan jelas lot tanah, jenis rumah, dan bilangan unit yang sama sepertimana dalam borang permohonan</i>
2.2	Pelan Bangunan yang telah diluluskan oleh Majlis/PBT dan masih sah tempoh kuatkuasanya	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Pelan bangunan perlu dikemukakan bagi setiap jenis rumah yang tercatat dalam permohonan.</i> • <i>Pelan bangunan hendaklah mencatatkan nombor lot yang sama sepertimana lot pada permohonan</i> • <i>Sekiranya nombor lot yang tercatat pada pelan bangunan berlainan (misalnya menggunakan nombor hakmilik sambungan), maka surat pengesahan Pejabat Tanah adalah diperlukan untuk membuktikan bahawa lot sepertimana yang tercatat pada pelan merujuk kepada tanah yang sama sepertimana dalam lesen pemaju</i> • <i>Sekiranya pelan telah luput tempoh sahnya, pelan bangunan yang diperbaharui tempoh sahnya dan masih berkuatkuasa perlu dikemukakan</i> • <i>Sekiranya permohonan permit iklan & jualan dikemukakan selepas kelulusan lesen pemaju diperolehi dan di ketika yang sama pelan bangunan didapati luput tempoh sahnya, maka Borang B Notis Memulakan Kerja daripada Majlis perlu dikemukakan.</i>

		<ul style="list-style-type: none"> • Bagi Rumah Kos Rendah yang akan dijual dengan harga jualan baru (melebihi RM 25,000.00 seunit bagi unit standard), garis panduan di para 2.6. harus diikuti.
2.3	<p>Tiga (3) salinan deraf iklan – Brosur (dimestikan), Akhbar, Papantanda, dan lain-lain iklan (pilihan) yang mencatatkan butiran pemajuan sepertimana kehendak Peraturan 6, PPP (K&P)(Pindaan) 2002.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Brosur mesti mengandungi pelan lantai tipikal dengan perincian ukuran ruang (bilik, dapur, ruang tamu, dan lain-lain) yang jelas dan spesifikasi dalam Bahasa Malaysia • Penyataan ‘...tertakluk kepada pindaan...’ dan logo Jabatan/Agensi Kerajaan mesti dibatalkan daripada deraf iklan • Tarikh jangka siap mesti dinyatakan secara spesifik bulan dan tahunnya • Catatkan harga terendah dan tertinggi (harga bukan Bumiputera) dalam iklan, serta bilangan unit untuk dijual • Nyatakan Pegangan tanah (Pajakan, Kekal, dan lain-lain) dan Bebanan (gadaian) tanah <p><u>Catatan:</u></p> <p>BUTIRAN YANG PERLU DIMASUKKAN KE DALAM DRAF IKLAN DI BAWAH PERATURAN 6, PERATURAN-PERATURAN PEMAJU PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN) (PINDAAN) 2002</p> <p>(i) Nama pemaju beserta alamat lengkap dan no. telefon</p> <p>(ii) No. lesen pemaju dan permit iklan & jualan beserta tempoh sahlaku</p> <p>(iii) Jenis Pegangan tanah – Kekal/Bebas, Pajakan, Rezab Melayu, dsb. Jika berstatus Pajakan, tarikh tamat tempoh pajakan tanah hendaklah dicatatkan dengan jelas dalam iklan</p> <p>(iv) Bebanan (gadaian) tanah – nyatakan nama institusi gadaian</p> <p>(v) Nama Pihak Berkuasa / Majlis yang meluluskan</p> <p>(vi) No. kelulusan Pihak Berkuasa / rujukan pelan bangunan</p> <p>(vii) Tarikh projek dijangka siap – nyatakan bulan dan tahunnya</p> <p>(viii) Harga jualan terendah dan tertinggi; dan</p> <p>(ix) Bilangan unit bagi setiap jenis rumah</p>
2.4	<p>Senarai harga jualan untuk setiap unit rumah</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Harga jualan terendah dan tertinggi hendaklah dicatatkan <p><u>Catatan:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Harga jualan bagi setiap unit rumah yang akan diluluskan oleh Kementerian adalah merujuk kepada harga yang telah ditetapkan oleh pemaju berdasarkan senarai harga jualan rumah yang dikemukakan oleh pemaju. • Sebarang perubahan terhadap harga jualan bagi unit-unit rumah tersebut perlu mendapat kelulusan pihak Kementerian. Permohonan boleh dikemukakan melalui permohonan perubahan harga jualan di bawah Peraturan 5(6), Peraturan yang sama.

2.5	Pengesahan gadaian tanah berhubung	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Catatkan dalam surat atau pada mukasurat hadapan borang permohonan</i> • <i>Sekiranya gadaian kepada institusi yang bukan di bawah BAFIA 1989 dan akta-akta lain berkaitan, kemukakan laporan penilaian, borang gadaian 16A KTN, dan surat kelulusan pinjaman. Nilai gadaian berkenaan hendaklah tidak melebihi 50% daripada nilai pasaran terbuka (open market value) tanah berkenaan</i>
2.6	Surat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri yang membenarkan harga jualan rumah Kos Rendah melebihi RM 25,000.00 sepertimana yang dicadangkan. diperakukan oleh Pihak Berkuasa Perancang/Majlis dan disahkan oleh Pejabat Tanah	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Sekiranya harga jualan melebihi RM 25,000.00, pelan bangunan mesti mematuhi garis panduan Kerajaan berhubung keluasan bilik-bilik dan spesifikasi yang ditetapkan - keluasan lantai keseluruhan bagi setiap unit rumah hendaklah sekurang-kurangnya 650 ka persegi dan mesti mempunyai tiga bilik tidur dengan keluasan yang ditetapkan oleh Kerajaan, serta bilik air dan tandas yang berasingan</i>